

# 140,000 anak ikan, udang dilepaskan



Sulaiman (tengah) melepaskan anak ikan ke dalam Sungai Pengkalan Berangan.

**MARANG** - Sebanyak 140,000 anak ikan lampam sungai dan udang galah dengan nilai kira-kira RM27,000 dilepaskan di jeti Sungai Kampung Pengkalan Berangan di sini.

Pelepasan benih ikan dan udang itu bertujuan untuk memperkayakan sumber perikanan khususnya di Sungai Marang yang kini didapati mengalami pengurangan spesies udang galah.

ADUN Pengkalan Berangan, Sulaiman Sulong berkata, semua pihak

bertanggungjawab dengan memainkan peranan mereka dalam memelihara sumber perikanan di kawasan tersebut.

Sehubungan itu, mereka yang menjalankan aktiviti melanggar undang-undang perikanan diminta untuk meninggalkan perbuatan tersebut kerana ia dapat merosakkan habitat hidupan sungai.

"Ini termasuk aktiviti menuba, menggunakan peralatan elektrik dan bom ikan yang boleh menjejaskan kehidupan sungai di

kawasan sungai berkenaan.

"Semua pihak perlu menjaga sumber perikanan untuk generasi akan datang dan sebagai sumber pendapatan nelayan darat serta penduduk kawasan ini," katanya pada majlis perlepasan benih ikan di sungai itu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Rusman Rusdy dan pemimpin Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi kawasan DUN Pengkalan Berangan.